KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## KHAMIS, 31 OGOS 2023

## LAPORAN HARIAN

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

31/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **NANCY: TRIBUNAL FOR ANTI-SEXUAL HARASSMENT NEEDS AGC'S NOD** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/30/nancy-tribunal-for-anti-sexual-harassment-needs-agcs-nod | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **PEMUISI DARI ENAM NEGARA SERTAI KONPES KE-2 DI BACHOK** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/pemuisi-dari-enam-negara-sertai-konpes-ke-2-di-bachok/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/08/30/pemuisi-dari-enam-negara-sertai-konpes-kedua-di-bachok/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **HUMS JALIN KOLABORASI JAYAKAN PROGRAM SARINGAN KANSER PAYUDARA DI PULAU GAYA** | |
| | https://sabahmedia.com/2023/08/30/hums-jalin-kolaborasi-jayakan-program-saringan-kanser-payudara-di-pulau-gaya/ | SABAHMEDIA.COM |
| | https://sabahnews.com.my/hums-jalin-kolaborasi-jayakan-program-saringan-kanser-payudara-di-pulau-gaya/ | SABAHNEWS.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **PEK MAKANAN RETORT UNTUK MANGSA DI PPS** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1004669/pek-makanan-retort-untuk-mangsa-di-pps | HMETRO.COM.MY |

31/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **SELAMAT HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2023** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=muQ16SbHgg0 | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **CELIK UNDANG-UNDANG MAMPU KESAN AWAL DERA SEKSUAL** | |
| | https://www.utusan.com.my/gaya/2023/08/celik-undang-undang-mampu-kesan-awal-dera-seksual/ | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **KERAJAAN NEGERI PERUNTUK RM485,000 BANTUAN BENCANA, 122 PPS DIWUJUDKAN DI PERLIS** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kerajaan-negeri-peruntuk-rm485000-bantuan-bencana-122-pps-diwujudkan-di-perlis/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **[VIDEO] WANITA DICARI, GAMBAR DIPAKU PADA POKOK DIPERCAYAI ANGKARA SIHIR** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/30/wanita-dicari-gambar-dipaku-pada-pokok-dipercayai-angkara-sihir/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **REMAN IBU, TEMAN LELAKI DERA ANAK HINGGA MATI DISAMBUNG 7 HARI LAGI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1004690/reman-ibu-teman-lelaki-dera-anak-hingga-mati-disambung-7-hari-lagi | HMETRO.COM.MY |

31/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **BEKAS POLIS WANITA MASIH TERINGAT PAHIT MANIS ZAMAN DARURAT** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/bekas-polis-wanita-masih-teringat-pahit-manis-zaman-darurat/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **BUDAK 5 TAHUN LEMAS DALAM KOLAM RENANG** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/276338/berita/semasa/budak-5-tahun-lemas-dalam-kolam-renang | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **WARGA EMAS NYARIS MAUT, POKOK GETAH TUA HEMPAP RUMAH** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/30/warga-emas-nyaris-maut-pokok-getah-tua-hempap-rumah/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **SAJIAN SATUKAN KITA SEMUA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/1004610/sajian-satukan-kita-semua | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **NELAYAN SELAMATKAN WANITA JATUH DARI JAMBATAN P.PINANG** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/08/30/nelayan-selamatkan-wanita-jatuh-dari-jambatan-p-pinang/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

31/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **4 LELAKI TAK MENGAKU SALAH ROMPAK 4 WANITA MYANMAR** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1146664/4-lelaki-tak-mengaku-salah-rompak-4-wanita-myanmar | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **WAKIL RAKYAT DIHARAP PEKA NASIB WANITA KEMATIAN SUAMI** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/08/30/wakil-rakyat-diharap-peka-nasib-wanita-kematian-suami/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **WANITA HIDAP STROK TANGGUH PEMBEDAHAN HANTAR ANAK SAMBUNG BELAJAR** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/276367/edisi/terengganu/wanita-hidap-strok-tangguh-pembedahan-hantar-anak-sambung-belajar | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **KANAK-KANAK 5 TAHUN LEMAS DI KOLAM RENANG INAP DESA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1004886/kanak-kanak-5-tahun-lemas-di-kolam-renang-inap-desa | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/kanak-kanak-lemas-kolam-rekreasi-inap-desa/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/30/kanak-kanak-lemas-di-kolam-rekreasi-inap-desa/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-5-tahun-lemas-dalam-kolam-renang-435126 | ASTROAWANI.COM |

31/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **REMAN IBU, TEMAN LELAKI DERA KANAK-KANAK LIMA TAHUN HINGGA MATI DILANJUTKAN** | |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/reman-ibu-teman-lelaki-dera-kanak-kanak-lima-tahun-hingga-mati-dilanjutkan-NG11428041 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/reman-ibu-teman-lelaki-dera-kanakkanak-lima-tahun-hingga-mati-dilanjutkan-435134 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **EMPAT TERMASUK KANAK-KANAK NYARIS LEMAS BOT KARAM** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/276363/berita/semasa/empat-termasuk-kanak-kanak-nyaris-lemas-bot-karam | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **JURUGAMBAR DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL, HASILKAN BAHAN PENGANIAYAAN SEKSUAL** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1004805/jurugambar-didakwa-lakukan-amang-seksual-hasilkan-bahan-penganiayaan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **KLCAH SASAR KUMPUL RM150,000 BANTU RUMAH ANAK YATIM, ORANG ASLI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/276358/edisi/selangor-kl/klcah-sasar-kumpul-rm150000-bantu-rumah-anak-yatim-orang-asli | SINARHARIAN.COM.MY |

31/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 23 | **ADIBAH HARAP KEPUTUSAN TERBAIK HAK PENJAGAAN ANAK 4 SEPTEMBER INI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/rap/2023/08/1004894/adibah-harap-keputusan-terbaik-hak-penjagaan-anak-4-september-ini | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 24 | **JAGA CEDERAKAN ANAK BUAH, UGUT BUNUH IBU DIPENJARA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/30/pengawal-keselamatan-cederakan-anak-buah-ugut-bunuh-ibu-dipenjara/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 25 | **SELAMATKAN MANGSA KEBAKARAN, SUAMI ISTERI TERIMA ANUGERAH MUHIBBAH NPC** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1146498/selamatkan-mangsa-kebakaran-suami-isteri-terima-anugerah-muhibbah | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 26 | **BUDAK DIKHUATIRI LEMAS KETIKA MANDI SUNGAI** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/276468/berita/semasa/budak-dikhuatiri-lemas-ketika-mandi-sungai | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 27 | **IBU RAYU PENDERMA HATI DARAH B, O UNTUK BAYI 8 BULAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/30/ibu-rayu-penderma-hati-darah-b-o-untuk-bayi-8-bulan/ | KOSMO.COM.MY |

31/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **PEJABAT KESIHATAN BAHAGIAN SEDIA BERI KHIDMAT NASIHAT FASILITI MESRA BAYI** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/30/pejabat-kesihatan-bahagian-sedia-beri-khidmat-nasihat-fasiliti-mesra-bayi | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 29 | **SABAH DEPARTMENT, PRIVATE FIRM HOLD CAR WASH TRAINING FOR OKU STUDENTS** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/30/sabah-department-private-firm-hold-car-wash-training-for-oku-students | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **OPERASI SAR LELAKI OKU TERJUN SUNGAI RAJANG DITERUSKAN** | |
| | https://suarasarawak.my/operasi-sar-lelaki-oku-terjun-sungai-rajang-diteruskan/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 31 | **LELAKI OKU MENTAL DIKHUATIRI LEMAS SETELAH JATUH SUNGAI** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/30/lelaki-oku-mental-dikhuatiri-lemas-setelah-jatuh-sungai | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 32 | **MBM, CURTIN MAHU BINA KOTA RAYA KOMUNITI MESRA WARGA EMAS** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/30/mbm-curtin-mahu-bina-kota-raya-komuniti-mesra-warga-emas | UTUSANBORNEO.COM.MY |

31/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 33 | **WARGA EMAS SANGGUP JALAN KAKI LEBIH 8KM, BAWA HIASAN MERDEKA BUATAN SENDIRI** | |
| | https://www.malay.news/warga-emas-sanggup-jalan-kaki-lebih-8km-bawa-hiasan-merdeka-buatan-sendiri/ | MALAY.NEWS |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GOLONGAN BERISIKO DINASIHAT AMBIL VAKSIN INFLUENZA SETIAP TAHUN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 31 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 24 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Golongan berisiko dinasihat ambil vaksin influenza setiap tahun

**Kuala Lumpur:** Orang ramai terutama golongan berisiko tinggi dan individu berusia 60 tahun ke atas dinasihatkan mengambil vaksin influenza setiap tahun bagi mengelak penyakit itu yang boleh menyebabkan jangkitan teruk pada paru-paru serta organ lain, selain peningkatan risiko sakit jantung.



*Dr Zamberi Sekawi*

Pengerusi Kumpulan Kerja Influenza Malaysia (MIWG), Prof Dr Zamberi Sekawi, berkata negara ini pernah menghadapi gelombang jangkitan influenza tinggi pada awal 2020.

Susulan itu, beliau yang juga Pakar Perunding Mikrobiologi Klinikal dan Profesor Mikrobiologi Perubatan berkata, langkah pembendungan penting ialah melalui vaksinasi berkala bagi memastikan individu dilindungi daripada mendapat jangkitan teruk.

"Sela masa disyorkan mengambil vaksin influenza ialah setahun sekali dan kebiasaannya di negara ini, apabila kes meningkat, baru ramai mahu mengambilnya, sekali gus ini akan mempengaruhi harga pasaran vaksin influenza itu kerana perkhidmatan ditawarkan melalui klinik," katanya kepada *BH*, semalam.

MIWG ditubuhkan Persatuan Penyakit Berjangkit dan Kemoterapi Malaysia (MSIDC) bertujuan menangani isu penting membabitkan empat bidang utama iaitu pemantauan, dasar dan garis panduan, sokongan dan pendidikan serta penyelidikan

Tinjauan *BH* mendapati kebanyakan klinik mengenakan caj antara RM80 hingga RM87 bagi suntikan vaksin influenza yang boleh diambil di klinik swasta.

Zamberi berkata, selain individu berusia 60 tahun ke atas, golongan berisiko mendapat jangkitan teruk influenza adalah kanak-kanak berusia lima tahun ke bawah, ibu mengandung dan pesakit dengan masalah kronik.

"Kelompok ini paling berisiko mendapat influenza teruk yang boleh merebak ke seluruh badan dan jangkitan pada paru-paru serta organ lain, selain peningkatan risiko penyakit jantung," katanya.

Sementara itu, Pakar Perunding Geriatrik Hospital Kuala Lumpur, Dr Rizah Mazzuin Razali, berkata golongan berisiko tinggi perlu terlebih dulu diberi keutamaan jika kerajaan mahu mengedarkan vaksin influenza itu.

"Vaksin terbabit tidak diberikan percuma, jadi jika ada pengagihan, golongan berisiko tinggi perlu diutamakan terlebih dulu," katanya.



*Vaksinasi influenza berkala bagi memastikan individu berusia 60 tahun ke atas dilindungi daripada mendapat jangkitan teruk.* (Foto hiasan)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JURUGAMBAR DITUDUH LAKUKAN AMANG SEKSIAL FIZIKAL TERHADAP REMAJA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 31 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 26 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jurugambar dituduh lakukan amang seksual fizikal terhadap remaja

**Pasir Mas:** Seorang jurugambar didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam, atas lapan pertuduhan termasuk melakukan amang seksual fizikal dan menghasilkan bahan penganiayaan seksual terhadap remaja perempuan bawah umur di antara April hingga Julai tahun lalu.

Bagaimanapun tertuduh, Mohamad Zulhusni Sohaimi, 31, mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret Mohd Izdham Naim Che Ani.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa berkomunikasi menerusi aplikasi Telegram dan berjumpa dengan remaja perempuan bawah umur berusia 17 tahun lima bulan ketika kejadian dengan niat untuk melakukan suatu kesalahan berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Mas pada April 2022.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 7 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 13 (1) akta sama yang memperuntuk hukuman penjara sehingga 20 tahun dan tidak kurang lima sebatan.

Tiga pertuduhan, dia didakwa menggunakan mangsa yang sama dalam penghasilan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak pada siang hari di sebuah rumah di Jalan Rogayah Slow Machang-Pasir Mas, di sini, antara April, Mei dan Julai 2022.

Mohamad Zulhusni didakwa mengikut Seksyen 7 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sementara itu, tiga pertuduhan, dia didakwa terbabit dalam penghasilan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak terhadap mangsa yang sama di tempat dan masa yang sama.

Perbuatan itu didakwa mengikut Seksyen 5 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntuk hukuman penjara tidak lebih 30 tahun dan tidak kurang enam sebatan.

Satu pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang sama di lokasi yang sama pada Julai tahun lalu.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama yang boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan boleh juga disebat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Hajarul Falenna Abu Bakar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KPWKM TUMPU 4 ASPEK SASAR 60 PERATUS TENAGA KERJA WANITA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 31 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# KPWKM tumpu 4 aspek sasar 60 peratus tenaga kerja wanita

## Kerajaan komited perkasa pembangunan wanita, hapus diskriminasi

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menumpukan empat aspek utama bagi memastikan sasaran 60 peratus penyertaan tenaga buruh wanita di negara ini dapat dicapai.

Aspek itu merangkumi Program Penjanaan Pendapatan; Wanita Selamat berkaitan Program Advokasi Antigangguan Seksual dan Kesedaran Menangani Keganasan dan Diskriminasi Terhadap Wanita; Kepimpinan melalui Dasar 30 peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan serta Wanita Sejahtera iaitu Program Kesejahteraan Dan Kesihatan Wanita.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata sebagai penanda aras, KPWKM melaksanakan pelbagai inisiatif, antaranya peruntukan Geran Penjagaan Kanak-Kanak kepada Wanita untuk Kembali Bekerja yang mana 80 peratus nilai gaji diinsuranskan sebagai galakan golongan wanita kembali bekerja.

"Majikan juga perlu berperanan serta bertanggungjawab dalam penyediaan pusat jagaan kanak-kanak di premis dengan memudah cara garis panduan penubuhannya di pejabat.

"Kerajaan juga komited memperkasa pembangunan wanita kepada inisiatif berfokus dengan matlamat menghapuskan diskriminasi yang mungkin menghalang pembabitan aktif wanita dalam bidang pekerjaan.

"Subsidi untuk memperkasa dan memperluas akses pendidikan awal kepada kanak-kanak juga diberikan seperti subsidi yuran taska kepada penjawat awam melalui pembinaan 80 taska dan tabika KEMAS," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Sesi Diskusi Khas Kasih Wanita: Ekonomi MADANI Memperkasakan Wanita di Hotel Royale Chulan di sini, kelmarin.

Terdahulu, isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail merasmi dan menyempurnakan penyampaian Surat Pelantikan Ahli Majlis Wanita dan Keluarga Negara.

Nancy berkata, bagi memastikan kadar penyertaan tenaga buruh wanita meningkat kepada 60 peratus, isu keselamatan wanita wajib diberikan keutamaan.

"Ini merangkumi penyediaan dan pematuhan garis panduan antigangguan seksual di tempat kerja seperti yang diuar-uarkan KPWKM.

"Persekitaran kerja selamat dan kondusif penting kepada wanita terutama kepada yang sudah berkeluarga. Pada masa sama, kemudahan perkhidmatan penjagaan (care service), dasar penjagaan berkaitan pekerjaan (employment-related care policies), kemudahan untuk wanita mengandung dan menyusu juga perlu diberi perhatian," katanya.




*Dr Wan Azizah dan Nancy bersama penerima Surat Pelantikan Ahli Majlis Wanita dan Keluarga Negara pada Sesi Diskusi Khas Kasih Wanita: Ekonomi MADANI Memperkasa Wanita di Kuala Lumpur.* (Foto BERNAMA)

### Bangkit mendepani cabaran

Beliau berkata, bagi menjayakan agenda itu KPWKM dengan kerjasama sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) komited menggembleng tenaga supaya semua wanita dapat diperkasakan secara inklusif dan bangkit mendepani cabaran semasa.

"Isu pemerkasaan wanita dalam kadar penyertaan tenaga buruh secara berterusan memerlukan sokongan semua pihak secara inklusif dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

"Kerajaan bukan sekadar mahu wanita berada dalam pasaran buruh, tetapi menginginkan kuasa beli lebih tinggi berbanding pada masa ini," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan Laporan Statistik Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar penyertaan tenaga buruh wanita masih rendah iaitu pada kadar 56.3 peratus berbanding lelaki iaitu 82.9 peratus bagi tempoh suku tahun kedua 2023.

"Malah, negara kita juga menunjukkan kadar amat rendah jika dibandingkan dengan negara ASEAN lain.

"Ini satu pembaziran sumber tenaga buruh, lebih-lebih lagi ramai wanita negara ini memperoleh tahap pendidikan tinggi dan mengatasi golongan lelaki dalam kadar enrolmen kasar peringkat pendidikan rendah, menengah dan tertiari seperti dilaporkan, Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI)," katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEBULAN DIPENJARA, IBU TIGA ANAK TEKAD PERBAIKI KEHIDUPAN | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 31 OGOS 2023 | M/SURAT : | 26 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Sebulan dipenjara, ibu tiga anak tekad perbaiki kehidupan

**Tapah:** Peluang pulang ke pangkuan keluarga ialah hadiah hari jadi paling bermakna buat Lisa (bukan nama sebenar) selepas sebulan dihukum penjara.

Berjanji tidak akan mengulangi kesilapan, Lisa terpilih sebagai Orang Bebas Berlesen semalam, bertekad memperbaiki semula kehidupan bersama tiga anak kecil.

Dia berkata, berita gembira itu dimaklumkan kepadanya Isnin lalu, sehari sebelum ulang tahun kelahirannya pada 29 Ogos.

Terdahulu, Lisa yang juga ibu tunggal menjalani hukuman penjara sejak Julai lalu atas kesalahan mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan kerana penipuan wang (scam).

"Saya merindui anak-anak. Mereka masing-masing baru sahaja berusia enam, tujuh dan lapan tahun tetapi terpaksa hadapi realiti ibu mereka seorang banduan. Entah bagaimana saya hendak terangkan pada mereka.

"Kehidupan di penjara membuatkan saya insaf dan lebih menghargai kebebasan di luar," katanya ditemui pada program Pelepasan Banduan Secara Lesen Ihsan Madani 'Kepulangan Dinanti' sempena Hari Kebangsaan di Penjara Tapah di sini.

*Ibu Lisa yang hanya ingin* dikenali sebagai Saodah (bukan nama sebenar) berkata, anak kedua daripada lima beradik itu mesti menggunakan peluang kedua ini untuk berubah.

Saodah berkata, dia yang menetap di selatan tanah air mengambil tanggungjawab menjaga ketiga-tiga anak Lisa sepanjang sebulan lalu.

Sementara itu, Orang Bebas Berlesen lain yang dikenali sebagai Achoi (bukan nama sebenar) berkata, dia menyesal terbabit dengan dadah sehingga dipenjara.

Katanya, dia ingin memulakan kehidupan baharu sebaik memulakan pekerjaan sebagai tukang masak di sebuah restoran dengan pemantauan Lembaga Parol.

Terdahulu, Achoi yang menetap di utara tanah air menjalani hukuman penjara atas kesalahan mengikut Seksyen Seksyen 15 (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUAMI ISTERI BANTU SELAMATKAN MANGSA KEBAKARAN TERIMA ANUGERAH MUHIBBAH NPC | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 31 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 38 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Suami isteri bantu selamatkan mangsa kebakaran terima Anugerah Muhibbah NPC



*Zamirul menyampaikan sijil Anugerah Muhibbah NPC kepada Amirul Husni dan Nur Syarina.*

**Kuala Lumpur:** Keberanian pasangan suami isteri menyelamatkan tiga mangsa termasuk dua kanak-kanak dari kedai yang terbakar baru-baru ini, dihargai apabila mereka dipilih sebagai penerima Anugerah Muhibbah Kelab Akhbar Kebangsaan (NPC)-MACROKIOSK.

Pekerja kedai serbaneka, Amirul Husni Afendey, 25, dan isterinya yang juga pekerja kilang, Nur Syarina Muhammad Noor, 23, dipilih sebagai pemenang bulanan bagi Ogos 2023, sekali gus menerima wang tunai RM2,000, sijil dan baucar.

Mengulas penganugerahan itu, Amirul berkata, beliau dan Nur Syarina berterima kasih kepada NPC dan MACROKIOSK, selain mengakui tidak menjangkakan akan mendapat pengiktirafan sedemikian.

"Kami tidak pernah menjangkakan tindakan kami akan mendapat pengiktirafan seperti ini. Anugerah ini pasti akan memberi motivasi untuk kami terus membantu golongan yang memerlukan.

"Tindakan ini juga diharap dapat memberi inspirasi kepada orang lain untuk menjalani gaya hidup muhibah sebagai rakyat Malaysia sejati," katanya menerusi kenyataan sempena penganugerahan yang berlangsung di Pagoh, Johor, kelmarin.

Pada 6 Julai lalu, Nur Syarina terlihat kepulan asap dari rumah kedai berhampiran ketika dia dan Amirul Husni sedang menunggu bas kilang di pinggir jalan utama berhadapan deretan premis terbabit.

Rentetan itu, pasangan suami isteri terbabit berusaha menyelamatkan tiga mangsa, termasuk dua kanak-kanak iaitu Muhammad Firas Syahmi, 10, dan Muhammad Harith, 4, yang terperangkap dalam kedai milik warga tempatan, Zamirul Suahimi.

Ketika kejadian, pasangan menyambut dua kanak-kanak terbabit yang terpaksa dikeluarkan menerusi tingkap kedai, sejurus terdengar jeritan Zamirul yang meminta bantuan.

## Semangat muhibah

Sementara itu, Presiden NPC, Datuk Ahirudin Attan, berkata pasangan terbabit wajar diberi anugerah kerana memperlihatkan semangat muhibah melalui tindakan mereka membantu antara satu sama lain.

"Mereka wajar menerima anugerah ini kerana juri mengiktiraf dan menghargai usaha berani membantu orang lain yang kesusahan.

"Mereka bertindak sedemikian tanpa mengharapkan sebarang pengiktirafan mahupun ganjaran. Amirul dan Nur Syarina mempamerkan semangat muhibah yang kami ingin teladani dan galakkan," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif MACROKIOSK, Datuk Kenny Goh, pula berkata juri mengagumi tindakan pasangan terbabit yang tidak mementingkan diri, selain menyifatkan suami isteri itu sememangnya melambangkan semangat muhibah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUZANA REALISASI IMPIAN KANAK-KANAK SAMBUT MERDEKA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 31 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 39 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Suzana realisasi impian kanak-kanak sambut merdeka

**Gua Musang:** Hanya bermodalkan RM50, ibu bapa boleh menempah baju kebaya moden kanak-kanak bertemakan warna Jalur Gemilang sesuai digayakan untuk menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Peniaga, Suzana Sulaiman, 45, merealisasikan impian kanak-kanak yang ingin mengenakan pakaian bertemakan warna Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan di sekolah mereka.

Pakej disediakan Suzana itu sudah termasuk kain, upah menjahit dan pelanggan hanya perlu datang untuk mengambil ukuran.

Dia membuka tempahan untuk baju bertemakan kemerdekaan sejak Jun lalu.

Malah, setiap tahun dia akan memperkenalkan tema baju kepada pelanggan dengan hanya bermodalkan RM50.

"Tahun ini, saya mencadangkan pelanggan membuat baju bertemakan kemerdekaan dengan baju kebaya moden. Dengan hanya RM50 kami membuat sepasang baju kebaya moden sudah termasuk kain dan upah menjahit.

"Pelanggan hanya datang dan membawa anak masing-masing untuk mengambil ukuran badan mereka. Sambutan merdeka lazimnya sehingga 16 September jadi, pakaian ini masih relevan digayakan.

"Saya menerima hampir 100 pasang baju yang bertemakan warna Jalur Gemilang untuk tahun ini," katanya yang menjalankan perniagaan di Bandar Utama, di sini.

Walaupun, pelanggan tetap diberi pilihan untuk memilih reka bentuk sendiri dan bergantung kepada bajet masing-masing

Sekiranya pelanggan sanggup membayar lebih, pelbagai rekaan ditawarkan untuk mereka.

"Harga RM50 untuk kebaya moden sahaja. Ini membolehkan kanak-kanak mengenakan baju bertemakan sambutan Hari Kebangsaan.

"Namun, sekiranya ibu bapa tertarik dengan rekaan lain dan perlukan penggunaan kain beberza kami tetap akan lakukan mengikut bajet mereka," katanya.

Tambahnya, baju yang dibuat turut mendapat permintaan di seluruh negara apabila ada yang menempahnya melalui Facebook atau WhatsApp.

Katanya, pada awal pembabitan dalam bidang jahitan dia hanya melakukannya di rumah sebelum membuat keputusan membuatkan kedai sendiri.

"Alhamdulillah sudah empat tahun saya beroperasi di premis ini. Sebelum ini saya hanya menjahit di rumah selama dua tahun sebelum membuka kedai jahit dan dibantu empat pekerja.

"Saya giat menjahit jenama sendiri. Pelanggan boleh datang untuk memilih jenis kain dan rekaan yang mereka suka," katanya.



*Suzana menunjukkan baju kebaya bertemakan JalurGemilang di kedainya di Bandar Utama, Gua Musang.* (Foto Paya Linda Yahya/BH)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TARAF WANITA PERLU SEJAJAR PEMBANGUNAN NEGARA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 31 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 39 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Taraf wanita perlu sejajar pembangunan negara

## Kerajaan wajar naikkan sasaran 30 peratus dalam kelompok pembuat dasar

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelbagai isu penting membabitkan kepemimpinan, kebajikan, status dan meningkatkan taraf hidup wanita perlu diperkasakan sejajar dengan kematangan negara yang sudah mencecah 66 tahun kemerdekaan, hari ini.

Justeru, lebih ramai wanita di negara ini diangkat menjadi pemimpin sudah pasti akan membantu membawa hasrat golongan itu sehingga ke peringkat tertinggi.

Ini penting supaya suara wanita didengari, selain tidak ketinggalan dalam pelbagai aspek pada masa akan datang.

Walaupun ketika ini ramai wanita sudah dilantik menjadi pemimpin, tetapi ia masih dilihat belum mencukupi.

Pensyarah Kanan Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM), Dr Amalina Farhi, 49, berkata beberapa tahun lalu jumlah pemimpin wanita di negara ini masih berkurangan kerana ramai yang berkelayakan masih belum tampil.

Katanya, selepas kerajaan meletakkan sasaran 30 peratus wanita berada dalam kelompok pembuat dasar pada peringkat kerajaan, jumlah itu dilihat semakin meningkat.

"Bagaimanapun, pada pendapat saya jumlah itu masih belum mencukupi, ketika ini dan sepatutnya peratusan itu dinaikkan lagi.

"Ini penting supaya pemimpin dalam kalangan wanita mampu bersuara, lebih memahami keperluan dan kehendak wanita terutama jika membabitkan emosi," kata ibu kepada empat anak berusia enam hingga 23 tahun itu.

> "Ini penting supaya pemimpin dalam kalangan wanita mampu bersuara, lebih memahami keperluan dan kehendak wanita terutama babitkan emosi"



*Amalina Farhi, Pensyarah Kanan UPNM*

> "Pemimpin wanita perlu bijak, layak dan tahu dengan tugasannya untuk membawa pembaharuan dan membantu wanita serta bukan sekadar mengisi tempat kosong"



*Siti Nurfadiah Mohd Sobri, Akauntan*

> "Harap kerajaan bantu tingkatkan taraf hidup wanita seperti gaji dan pengangkutan awam yang turut memberi impak terhadap wanita berkerjaya"



*Wendy Chew, Pekerja runcit*

### Pemimpin perlu bijak, layak

Akauntan, Siti Nurfadiah Mohd Sobri, 39, berasakan sepatutnya lebih ramai pemimpin di negara ini adalah wanita.

Namun, pemimpin itu perlu bijak, layak dan tahu dengan tugasannya untuk membawa pembaharuan dan membantu wanita serta bukan sekadar mengisi tempat kosong.

"Saya mendapati ketika ini, pemimpin wanita yang kurang berkelayakan, tetapi seakan dipaksa mengisi jawatan tertinggi.

"Ini tidak sepatut berlaku dan saya berharap hanya mereka yang layak dapat menjadi pemimpin," katanya.

Pada masa sama, Siti Nurfadiah berharap kerajaan menyediakan inisiatif khas kepada ibu bapa yang menghantar anak menyertai aktiviti luar sekolah bagi meringankan beban golongan sepertinya.

"Sebagai ibu tunggal saya berharap kerajaan membantu golongan seperti kami kerana ada aktiviti tidak ditanggung pihak sekolah dan ibu bapa terpaksa mengeluarkan wang sendiri.

"Jika ada inisiatif khas ia sudah pasti dapat membantu meringankan sedikit beban golongan ibu," katanya.

Pekerja runcit, Wendy Chew, 37, berharap kerajaan bantu meningkatkan taraf hidup wanita seperti gaji dan pengangkutan awam yang turut memberi impak terhadap wanita berkerjaya.

Masalah kesesakan yang teruk di ibu kota boleh menjejaskan 'mood' dan memberi tekanan seperti kemurungan, keletihan, lantas mencadangkan supaya menambah lebih banyak pengangkutan awam di lokasi yang sesuai.

Ketika ini dia terpaksa membelanjakan kira-kira RM1,000 sebulan hanya untuk tambang e-hailling dari rumahnya di Puchong ke tempat kerjanya di Jalan Bukit Bintang.

"Saya bukan tidak mahu mengambil pengangkutan awam dari rumah, tetapi akan mengambil masa sehingga dua jam untuk sampai ke tempat kerja.

"Berhampiran rumah saya tiada pengangkutan awam terdekat, jadi saya tiada pilihan menaiki e-hailing dan jika menggunakan kenderaan sendiri kos minyak dan meletakkan kenderaan perlu diambil kira.

"Kos lain di ibu kota seperti makanan juga tinggi dan ini sudah pasti meningkatkan kos sara hidup, selain memberi tekanan kepada kehidupan," katanya sudah empat tahun bekerja di sebuah pusat kecantikan.

Akuinya, gaji di ibu kota lebih tinggi berbanding di kawasan rumahnya membuatkan dia mampu bertahan untuk berulang-alik secara sedemikian.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | JKM PERLIS SEDIA PEK MAKANAN RETORT DI 22 PPS | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 31 OGOS 2023 | M/SURAT : | 25 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |




